

## AMALAN, ETIKA DAN INSTITUSI DALAM ISLAM

Mohamad Faizal Ahmad  
Ariff Mohd Arshad  
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

### Suggested Citation:

Ahmad, M. F., Mohd Arshad, A., & Jasmi, K. A.(2012). Amalan, Etika dan Institusi dalam Islam in *Prosiding Seminar Tamadun 2012* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 21 April 2012, pp. 211-228. ISBN 978-967-0194-19-6.

### Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang hal-hal yang berkaitan dengan amalan, etika dan institusi dalam agama Islam. Antara amalan yang dibincangkan adalah amalan yang tersenarai dalam rukun Islam. Amalan tersebut adalah seperti solat lima waktu, puasa di bulan Ramadan, berzakat dan menunaikan haji serta berjihad di jalan Allah S.W.T. sebagai tambahan. Seterusnya berkaitan dengan etika dalam agama Islam yang meliputi kehidupan seorang muslim. Perbincangan institusi pula meliputi keluarga, aktiviti ekonomi, dan kumpulan seni serta politik.

# AMALAN, ETIKA DAN INSTITUSI DALAM ISLAM

**Mohamad Faizal Ahmad  
Ariff Mohd Arshad  
Kamarul Azmi Jasmi**

## ABSTRAK

*Artikel ini membincangkan tentang hal-hal yang berkaitan dengan amalan, etika dan institusi dalam agama Islam. Antara amalan yang dibincangkan adalah amalan yang tersenarai dalam rukun Islam. Amalan tersebut adalah seperti solat lima waktu, puasa di bulan Ramadan, berzakat dan menunaikan haji serta berjihad di jalan Allah S.W.T. sebagai tambahan. Seterusnya berkaitan dengan etika dalam agama Islam yang meliputi kehidupan seorang muslim. Perbincangan institusi pula meliputi keluarga, aktiviti ekonomi dan kumpulan seni serta politik.*

## PENGENALAN

Islam adalah satu agama yang lengkap daripada semua aspek yang berkaitan dengan kehidupan di dunia dan di akhirat. Kesemua perbuatan yang dilakukan di dunia akan dipertontonkan semula untuk dipertimbangkan sama ada seorang masuk ke dalam syurga atau neraka. Oleh itu, Allah S.W.T. memberikan panduan kepada manusia melalui Rasulullah s.a.w. untuk memimpin manusia agar melakukan perkara yang membawa manusia kearah mendapat keredhaan Allah S.W.T.

Panduan tersebut banyak berkaitan dengan amalan-amalan harian manusia. Amalan-amalan ini amat penting setelah seorang manusia itu memeluk Islam, iaitu menganuti agama Islam dengan mengucap dua

kalimah syahadah dan membenarkannya dengan hati. Dua kalimah syahadah yang dinyatakan adalah seperti *“Aku mengaku (bersaksi) bahawa tiada tuhan yang sebenarnya melainkan Allah dan aku mengaku (bersaksi) bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah”* (Jacob E. Safra, 1768).

Setelah itu, seorang muslim hendaklah menjaga keperibadian sebagai seorang umat Islam kerana difahami oleh masyarakat sekeliling adalah agama Islam itu indah. Indah disini bermaksud keperibadian seorang muslim itu baik dan beradab serta beretika dalam melakukan segala hal. Keperibadian yang terbaik ini ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan melakukan segala hal berkaitan berhubungan sesama manusia dan juga alam semesta seperti haiwan dan tumbuhan. Keperibadian yang hebat ini hendaklah dicontohi semua umat Islam agar penganut agama lain akan tertarik dengan agama yang indah lagi suci ini.

Walaupun umat Islam yang tidak sezaman dengan Rasulullah s.a.w., namun mereka ditinggalkan dengan dua benda yang jika difahami dan beramal dengannya mereka tidak akan sesat selamanya. Dua benda yang dinyatakan adalah merujuk kepada al-Quran dan As-Sunnah, iaitu segala amalan yang dilakukan nabi yang diturunkan kepada ulama-ulama untuk umat-umat selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Amalan yang diajarkan oleh Rasulullah bukan sahaja umat Islam harus praktikan namun penganut agama lain juga boleh praktikan, iaitu segala amalan yang tidak merujuk kepada mentauhidkan Allah. Ianya lebih kepada peradaban manusia yang terpuji seperti beradab ketika makan, ketika berbual, ketika dalam majlis dan sebagainya. *“Dan taatilah Allah dan Rasul, supaya kamu diberi rahmat.”* (Ali ‘Imran: 3)

Islam juga mengajar kepada umatnya bagaimana untuk memimpin serta menguruskan hal-hal berkaitan negara. Institutsi yang kecil seperti keluarga amat penting dalam permulaan untuk seseorang itu memimpin masyarakat. Jika seorang gagal untuk memimpin keluarganya sendiri maka dia tidak berkelayakan untuk memimpin sebuah organisasi yang besar seperti syarikat, perundangan, keamanan, kedaulatan dan lain-lain. Oleh itu, Islam mengajar umatnya agar bermula dengan perkara yang kecil dahulu barulah berubah kepada yang besar atau utama. Hal ini adalah untuk memberikan latihan atau ujian kepada seorang itu untuk memimpin sesuatu yang besar. Perkara ini juga ditunjuk dan

diajar oleh Rasulullah s.a.w. sendiri kerana Rasulullah adalah seorang khalifah yang hebat dan memerintah tiga daripada empat bahagian dunia.

## **AMALAN DALAM ISLAM**

Amalan dalam Islam terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian utama adalah amalan wajib, manakala bahagian kedua adalah amalan sunat. Amalan wajib adalah amalan yang ditetapkan oleh syarak. Amalan wajib yang terkandung dalam rukun Islam yang mempunyai lima amalan atau perkara wajib untuk umat yang beragama Islam tunaikan. Perkara-perkara tersebut juga ada tercatat dalam kitab suci al-Quran. Antara perkara rukun Islam ialah mengucap dua kalimah syahadah, menunaikan solat, berpuasa di bulan Ramadan, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji jika berkemampuan (Seyyed Hossein Nasr, 2007).

Amalan sunat pula adalah amalan atau perilaku serta rutin harian Nabi Muhammad s.a.w., iaitu nabi terakhir bagi umat Islam. Segala perbuatan Rasulullah akan dicatatkan dalam bentuk bertulis, iaitu dinamakan hadis. al-Quran adalah bahan rujukan yang utama disamping hadis juga menjadi rujukan untuk menerangkan sesuatu maksud disebalik ayat-ayat yang terkandung dalam al-Quran. Selain perkara utama yang dinyatakan ini, jihad fisabilillah juga amalan yang penting dalam agama Islam. Jihad ini lebih bermaksud kepada peperangan yang dipanggil peperangan suci seperti perang badar, perang uhud, perang khandak dan perang yang lain untuk menegakkan agama Allah Yang Maha Suci (Seyyed Hossein Nasr, 2007).

### **Solat**

Solat adalah perkara utama dalam rukun Islam selepas mengucap dua kalimah syahadah. Solat penting untuk seseorang umat Islam kerana solat dijadikan sebagai perumpamaan seperti tiang agama, dimana kita tahu bahawa untuk mendirikan sebuah bangunan, tiang adalah asas pembinaan. Oleh itu, solat juga adalah asas bagi orang yang beragama Islam kerana jika solatnya tidak sempurna maka tidak sempurna lah amalannya. Solat adalah diwajibkan kepada semua umat Islam bermula

selepas baligh sehinggalah seorang muslim itu meninggal dunia. “*Dan dirikanlah solat, tunaikan zakat dan rukuklah beserta orang-orang yang rukuk*” (Surah al-Baqarah: 43).

Solat dilaksanakan setiap hari dan hendaklah bersujud ke arah menghadap Kaabah di Mekah serta dalam keadaan berwuduk. Solat mempunyai lima waktu yang khusus, iaitu diawal pagi semasa terbitnya fajar yang digelar sebagai subuh, pada waktu tengah hari matahari tegak ini kepala digelar zohor, pada waktu petang bayang-bayang sama panjang dengan objeknya digelar asar, diwaktu matahari terbenam digelar maghrib dan setelah malam menjelma digelar sebagai Isyak. Setiap waktu solat mempunyai rakaat tertentu: - subuh dua rakaat, maghrib tiga rakaat, zohor, asar dan isyak empat rakaat (Seyyed Hossein Nasr, 2007).

Setiap waktu-waktu tersebut akan dilaungkan azan bagi menandakan masuknya waktu tersebut pada sesebuah kawasan. Azan ini dilakukan oleh muazzin atau bilal di masjid ataupun surau. Selain untuk memberitahu masuknya waktu solat berikutnya, ia juga adalah bertujuan untuk memanggil penduduk yang beragama Islam berkumpul di masjid untuk menunaikan solat secara beramai-ramai atau kata lainnya secara berjemaah.

Selain itu, solat yang istimewa pada hari jumaat, iaitu penghulu segala hari. Pada setiap hari jumaat, umat Islam hendaklah solat secara berjemaah di masjid selepas mendengar khutbah yang sampaikan oleh khattib. Solat jumaat ini dilakukan dengan dua rakaat dan hanya diwajibkan keatas umat Islam kaum lelaki sahaja. Dalam khutbah yang disampaikan adalah berkaitan dengan isu-isu yang terkini serta nasihat kepada umat Islam yang hadir pada hari itu.

Tambahan dalam solat pula ialah selepas sempurna menunaikan solat, disunatkan untuk berdoa kepada Allah untuk memohon apa sahaja permintaan yang dikehendaki oleh seorang itu. Doa ini menunjukkan bahawa kecilnya diri seorang hamba Allah dihadapannya. Kebiasaannya doa akan dibaca dalam bahasa arab dengan cara lembutkan suara serta merayu-rayu. “*Berdoalah kepada tuhanmu dengan berendah diri dan suara yang lembut. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas*” (Surah al-A’raaf: 55)

## **Puasa**

Puasa bermaksud sesuatu perbuatan menahan diri daripada makan dan minum antara waktu matahari naik dan jatuh pada bulan Ramadan (Kamus Dewan 2004). Puasa juga bermakna menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari, dimulakan dengan niat berpuasa, kerana mengharapkan keredaan Allah S.W.T. (Ismail Kamus, 1948). Namun puasa juga boleh dilakukan di bulan yang lain seperti puasa sunat isnin khamis, puasa sunat assyura pada 9 & 10 Muharram, puasa 6 pada 6 hari selepas 1 haribulan Syawal dan sebagainya.

Puasa adalah perkara yang penting selepas solat dalam rukun Islam. Hal ini kerana puasa ini penting dan umat terdahulu juga diwajibkan berpuasa. Puasa adalah untuk mengajar umat Islam agar sedar dan bersyukur kepada Allah S.W.T. yang memberi rezeki. Puasa juga mengajar umat Islam dapat merasai keperitan dan kesusahan yang ditanggung oleh orang miskin dan fakir. Semasa dalam tempoh berpuasa, seseorang itu hendaklah menjaga segala perbuatannya agar tidak membatalkan puasa. Perkara yang dimurkai Allah S.W.T. juga dapat dikurangkan pada bulan Ramadan kerana umat Islam dilarang melakukan perkara yang dikeji seperti mengumpat, kes maksiat, berkhalwat dan sebagainya.

Puasa pula diwajibkan keatas semua umat Islam dari selepas baligh hinggalah meninggal dunia. Namun ada juga golongan yang diberikan kelonggaran daripada Allah S.W.T. Antara golongan tersebut adalah orang tua yang terlalu uzur dan tidak mampu untuk berpuasa, perempuan yang sedang haid, ibu yang menyusukan anaknya serta ibu yang mengandung risau akan bayi yang berada di dalam perutnya. Walaubagaimanapun mereka yang tidak wajib berpuasa semasa mendapat kelonggaran atau kemudahan tersebut hendaklah mengganti puasa tersebut dengan berpuasa pada hari lain sama dengan berapa hari yang tidak puasa itu. *“Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa”* (Surah *al-Baqarah*: 183).

Pada bulan Ramadan jugalah kitab suci al-Quran diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. Semasa pertama kalinya al-Quran diturunkan kepada

Rasulullah daripada Allah melalui malaikat Jibril. Pada mula Rasulullah bertemu dengan malaikat Jibril, Rasulullah amat takut dan terkejut. Kemudian malaikat memeluk Rasulullah s.a.w. serta menyuruh baginda membaca. Namun baginda tidak tahu membaca, lalu Jibril membaca surah *al-'Alaq* dan baginda mengikut Jibril membaca. Oleh itu, peristiwa tersebut menjadi satu perkara yang amat penting dalam bulan Ramadan. Malam tersebut juga dipanggil sebagai *lailatur qadar*, iaitu malam lebih baik daripada seribu bulan. Pada bulan Ramadan ini, umat Islam digalakkan melakukan sebanyak ibadah sunat selain ibadah wajib kerana pahala yang dijanjikan adalah berlipat kali ganda berbanding pada bulan lain. "*Sesungguhnya Kami menurunkan al-Quran pada malam kemuliaan*" (Surah *al-Qadr*, 97:1).

Selepas sebulan berpuasa, umat Islam akan menyambut hari raya Aidilfitri pada 1 haribulan Syawal. Perayaan ini adalah untuk menyambut kemenangan setelah berpuasa selama sebulan penuh dan amalan-amalan sunat yang dilakukan. Pada hari raya aidilfitri ini kebiasaannya umat Islam akan mengunjungi rumah jiran-jiran, sahabat-sahabat, saudara-mara dan kenalan-kenalan yang rapat. Meraka akan menyediakan makanan untuk tetamu yang hadir serta melayan tetamu dengan baik. Perayaan ini amat meriah di Malaysia kerana kebanyakan masyarakat malaysia adalah beragama Islam serta negara-negara lain.

### **Zakat**

Zakat bererti bersih dan suci. Zakat juga bermakna mengeluarkan sebahagian harta atau hak milik kepada mereka yang layak menerimanya dengan kadar tertentu setelah mencukupi nisabnya dan sampai masanya satu tahun atau setelah sempurna menuai (bagi tanam-tanaman) (Ismail Kamus, 1948). Mengeluarkan zakat adalah untuk membersihkan harta simpanan atau pencarian. Iaitu bersih daripada sesuatu yang haram dimiliki, hak-hak orang lain yang diwajibkan kepada seorang umat Islam itu mengeluarkannya, serta hasil pencarian tersebut akan diberkati Allah S.W.T.

Segala pengumpulan zakat ini akan disimpan ke dalam baitulmal untuk urusan pengagihan kepada umat Islam yang fakir dan miskin.

Baitulmal bukan sahaja mengagihkan kepada mereka yang miskin sahaja tetapi kepada pelajar juga mempunyai hak untuk mendapat pertolongan daripada baitulmal. Saudara baru atau mualaf juga mendapat dalam proses pengagihan ini. Dengan melaksanakan zakat, umat Islam dapat berkembang dengan baik, dimana yang tidak berkemampuan dibantu melalui proses ini.

Kelebihan berzakat ialah membawa umat Islam untuk mensyukuri nikmat pemberian Allah S.W.T. dengan menyumbangkan sebahagiannya demi agama Islam. Ia juga adalah salah satu cara untuk mengabdikan diri terhadap Allah S.W.T. dengan memberikan bantuan kepada umat Islam yang lain. Ia juga antara amalan jihad melalui harta benda demi menegakkan salah satu rukun Islam.

Daripada Jabir r.a. Rasulullah s.a.w. bersabda: *Sesiapa yang menunaikan zakat hartanya, nescaya akan hapuslah segala perkara yang boleh merosakkan hartanya*”

## Haji

Haji bererti berziarah dari segi bahasa, manakala dari segi istilah pula haji adalah bermaksud mengunjungi Baitullah di Mekah untuk melakukan beberapa amal ibadah pada bulan haji dengan rukun dan syarat tertentu sebagai perlaksanaan rukun Islam yang terakhir (Ismail Kamus). Ibadah haji adalah puncak pengabdian insan muslim terhadap Allah S.W.T.

Menunaikan fardu haji adalah wajib bagi umat Islam yang berkemampuan. Berkemampuan bermaksud seseorang itu berupaya untuk melaksanakan rukun kelima ini sama ada secara sendiri atau melalui pertolongan orang lain. Ia juga bermakna mampu menyediakan perbelanjaan menunaikan haji serta meninggalkan nafkah kepada ahli keluarga secukupnya sepanjang peninggalannya. Umat Islam yang ingin menunaikan haji hendaklah sihat tubuh badan agar tidak menjadikan perjalanannya ke Mekah menjadi rumit dan tidak menunaikan haji dengan baik. Kepada perempuan yang ingin menunaikan haji pula, hendaklah mahram atau suaminya ataupun bersama perempuan lain yang dipercayainya.



وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ

مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

Maksud: "Dan berserulah kepada manusia untuk mengerjakan haji, nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki, dan menunggang unta yang kurus yang datang dari segenap penjuru yang jauh.

(Surah al-Hajj, 22:27)

Haji dilakukan dengan mengunjungi Baitullah al-Haram bermula 1 Syawal hingga terbit fajar 10 Zulhijjah. Umat Islam akan mengerjakan tawaf di sekeliling Kaabah, sa'i di antara bukit Safa ke Marwah serta wuquf di Arafah dan lain-lain yang terkandung sebagai rukun haji. Selain haji, umrah pula boleh dilaksanakan bila-bila masa sepanjang tahun. Umrah tidak ada wuquf, bermalam di Muzdalifah, membayar dam dan melontar jamrah.

Haji terbahagi kepada tiga jenis, iaitu haji ifrad, haji tamattu' dan haji qiran. Haji ifrad adalah haji dan umrah dilaksanakan secara berasingan. Haji tamattu' pula adalah mendahulukan ibdah umrah sampai bertahalul. Manakala haji qiran adalah mengerjakan haji bersama-sama umrah secara serentak.

## Jihad

jihad adalah bermaksud peperangan suci melawan orang kafir kerana mempertahankan agama Islam. Selain itu, jihad juga bermaksud perlawanan untuk mempertahankan sesuatu yang baik untuk menentang sesuatu yang tidak baik (Kamus Dewan Edisi Empat). Jihad adalah segala perkara yang merangkumi pengorbanan kepada Allah. Tetapi jihad yang utama atau terbesar ialah berjuang dalam peperangan untuk menentang musuh-musuh Allah S.W.T.

Jihad hanya digunakan untuk orang Islam yang memperjuangkan Islam, tidak untuk orang yang selain agama Islam berjuang dijalan agama mereka. Bukan peperangan dikategorikan sebagai jihad malah melakukan ibadat-ibadat wajib seperti solat lima waktu sehari semalam

juga adalah jihad disisi Allah S.W.T. Selain itu, berpuasa juga jihad kerana umat Islam perlu menahan diri daripada makan dan minum serta perkara-perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari. Tambahan pula jika iklim kawasan setempat adalah iklim panas dan menyebabkan dahaga dan kepenatan.

Jihad juga adalah melaksanakan ‘*amar makruf nahi mungkar*’, iaitu melakukan kebaikan serta mencegah kemungkaran malahan mengajak orang di sekeliling melakukannya bersama-sama. Berdakwah juga adalah jihad disisi Allah S.W.T. Berdakwah adalah bermaksud menyebarkan agama Islam secara lemah lembut selain daripada secara peperangan. Berdakwah amat dituntut dalam Islam. Allah S.W.T. berfirman:

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتُلُونَكُمْ وَلَا تَعْدُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ لَا

يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ﴿١٩٠﴾

Maksud: *Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas.*

(Surah al-Baqarah, 2:190)

Belajar juga adalah jihad, tetapi hanyalah jihad kecil, iaitu pahala jihadnya tidak sama dengan jihad pergi berperang di jalan Allah S.W.T. Namun begitu niat belajar adalah memainkan peranan penting untuk mendapat pahala jihad ini, iaitu hendaklah muslim itu berniat belajar kerana Allah S.W.T. dan ikhlas. Selain itu, jihad juga bukan sahaja dengan belajar namun banyak perkara-perkara lain yang diniatkan kerana Allah S.W.T., iaitu melakukan perkara tersebut untuk jalan Allah serta berkorban untukNya.

## ETIKA DALAM ISLAM

Etika adalah bermaksud ilmu bukan prinsip-prinsip atau moral. Selain itu, ia juga bermakna prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan (Kamus Dewan

2004). Semua aktiviti kehidupan di dunia sebagai umat Islam hendaklah berpegang dengan etika yang ditetapkan oleh agama Islam itu sendiri. Sama ada dalam aktiviti sosial, politik mahupun ekonomi akan berkaitan dengan etika yang diajar atau dilakukan oleh Rasulullah S.W.T. dan para sahabat yang hebat pada zaman tersebut. Segala etika yang wajib dilakukan oleh seorang umat Islam itu dapat dirujuk dalam al-Quran serta hadis.

Antara etika yang dijelaskan dalam al-Quran adalah berbicara dengan baik. Ia bermaksud hendaklah umat Islam itu berbicara dengan baik antara sesama muslim serta antara muslim dengan orang kafir. Hal ini kerana perbincangan yang tidak baik dan boleh menimbulkan perselisihan antara mereka. Hanya disebabkan perkara sekecil-kecil inilah sesuatu kaum atau komuniti boleh berlaku perpecahan serta pergaduhan. Ayat al-Quran yang memberi peringatan tersebut:

وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْزِعُ بَيْنَهُمْ إِنَّ  
 الشَّيْطَانَ كَانَ لِلإِنْسَانِ عَدُوًّا مُّبِينًا ﴿٥٣﴾

Maksud: *Dan katakanlah kepada hamba-hamba-Ku: "Hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang lebih baik (benar). Sesungguhnya syaitan itu menimbulkan perselisihan di antara mereka. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia.*

(Surah *al-Israa'*, 17:53)

Selain daripada etika berbicara yang dinyatakan dalam al-Quran, etika-etika lain yang berkaitan kehidupan seharian juga dinyatakan dalam al-Quran seperti etika berkumpul, etika berjalan, etika memberi salam, etika mendengar azan dan sebagainya. Namun, etika-etika yang tidak dinyatakan dalam al-Quran akan dinyatakan dalam hadis. Oleh itu, Islam adalah satu agama yang lengkap untuk kehidupan semua manusia. Ia merangkumi semua aspek dari sekecil-kecil perkara hinggalah sebesar-besar perkara yang penting.

Al-Quran dan hadis ini akan menjadi panduan kepada umat Islam dalam segala hal. Manusia juga diberikan akal untuk berfikir

baik buruk sesuatu perkara atau perlakuan. Namun, akal tidak mampu menandingi isi kandungan al-Quran yang hebat, iaitu 'kalamullah'. Kalamullah adalah bermaksud kalam Allah S.W.T. dengan pengertian lain ialah perkataan Allah yang disampaikan kepada Rasulullah s.a.w. serta dibukukan untuk dipelihara sehingga ke hari ini.

Etika ini adalah mendorong manusia untuk menjaga keperibadian diri, perpaduan komuniti serta kestabilan sebuah negara. Etika adalah penting dalam kehidupan, manusia yang tidak beretika dalam kehidupannya akan dipandang hina oleh masyarakat sekeliling malah Allah S.W.T. memurkai umat Islam yang tidak beretika. Kelebihan manusia beretika adalah disenangi oleh masyarakat sekeliling dan membawa kepada pengukuhan hubungan antara manusia (Muhammad Yusuf Islahi, 1967).

## **INSTITUSI**

Institusi keluarga, aktiviti ekonomi dan kumpulan seni serta politik adalah institusi utama dalam Islam (Seyyed Hossein Nasr, 2003) ialah:

### **Keluarga**

Dalam Islam, keluarga amat dititikberatkan. Kedudukan keluarga lebih tinggi daripada ekonomi dan politik. Terdapat banyak kandungan dalam al-Quran dan Hadis yang menyuruh umat untuk menghormati kedua ibu bapa. Institusi keluarga tidak banyak berlaku perubahan sejak zaman dahulu. Institusi keluarga menurut pandangan dan adat barat hanya mengandungi ibu bapa dan anak manakala menurut Islam, keluarga merupakan keluarga secara keseluruhan. Keluarga dalam Islam mengandungi datuk dan nenek, ibu dan bapa, pakcik dan makcik, abang dan adik, cucu dan lain-lain.

Bapa merupakan imam atau ketua kepada keluarga. Bapa secara amnya menjalankan aktiviti-aktiviti luar. Mereka bertanggungjawab memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak selain bertanggungjawab menjaga nilai agama anak-anak.

Namun begitu, ibu merupakan tunjang kepada pendidikan agama anak-anak. Hal ini kerana ibu yang bertanggungjawab mendidik anak pada peringkat awal, iaitu pada peringkat kanak-kanak lagi. Ibu juga

merupakan ketua rumah manakala suami seperti tetamu. Ibu sebenarnya bertindak sebagai agen penyatuan bagi menjalinkan hubungan kekeluargaan kerana ibu (wanita) mempunyai lebih sifat penyayang berbanding bapa (lelaki). Secara keseluruhannya, lelaki diberi tugas untuk menjaga ekonomi luar manakala wanita pula mempengaruhi hubungan kekeluargaan di rumah. Oleh sebab itu, kedudukan ibu lebih tinggi berbanding bapa dalam Islam selepas Allah dan pesuruhNya Nabi Muhammad.

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنَمِّىَ الرِّضَاعَةَ  
 وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا  
 تُضَارَّ وَالِدَةٌ بَوْلِدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَالِدِهِ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ  
 فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ  
 تَسْتَرْضِعُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُم بِالْمَعْرُوفِ  
 وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksud: Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan. Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara ma'ruf. Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya. Janganlah seorang ibu menderita kesengsaraan karena anaknya dan seorang ayah karena anaknya, dan warispun berkewajiban demikian. Apabila keduanya ingin menyapih (sebelum dua tahun) dengan kerelaan keduanya dan permusyawaratan, maka tidak ada dosa atas keduanya. Dan jika kamu ingin anakmu disusukan oleh orang lain, maka tidak ada dosa bagimu apabila kamu memberikan pembayaran menurut yang patut. Bertakwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahwa Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan.

(Surah al-Baqarah, 2:233)

Setiap hubungan keluarga dalam Islam biarpun hubungan antara adik dan abang, suami dan isteri, berkait rapat dengan agama. Bukan

sahaja sekadar keturunan dan struktur sosial namun lebih daripada itu. Keluarga merupakan unit keagamaan yang memberi perlindungan kepada setiap ahli keluarga. Keluarga mengajar dan memupuk individu untuk menghadapi kehidupan realiti. Hal ini dapat dicapai melalui ibadat harian yang dijalankan. Setiap muslim hidup dalam satu kelompok ummah yang besar dan juga keluarga yang membentuk realiti kehidupan. Walaupun institusi lain seperti ekonomi dan politik juga penting, namun institusi keluarga membentuk struktur kehidupan asas manusia di dunia ini.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa keluarga merupakan medium utama untuk membentuk masyarakat sekeliling. Masyarakat yang harmoni dan lahir daripada keluarga yang sejahtera. Namun sebaliknya pula berlaku apabila keluarga tidak harmoni. Keluarga dalam Islam pegang kepada satu prinsip, iaitu kasih sayang. Kasih sayang ini dapat diuraikan dengan konsep ahli keluarga yang lebih tua menyayangi yang muda, memberi tunjuk ajar yang baik untuk menghadapi realiti. Manakala yang muda pula tunduk hormat pada yang lebih tua, mendengar dan mengikut tunjuk ajar yang baik (Abduljalil Hammad, 1997)

### Ekonomi dan Seni

Ekonomi merupakan institusi yang amat penting bagi setiap orang. Islam juga menitikberatkan kepentingan ekonomi setiap umat. Namun, Islam ada memberi panduan dan tata tertib yang perlu dipatuhi. Hal ini jelas terdapat dalam al-Quran dan Hadis yang menceritakan tentang panduan dan tata tertib secara menyeluruh. Pengharaman riba' jelas terdapat dalam al-Quran manakala Islam juga tidak menggalakkan membolot harta untuk memenuhi nafsu diri sendiri.

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ  
الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ  
الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ

وَأْمُرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا

خَالِدُونَ

Maksud: Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang-orang yang sampai kepadanya larangan dari Tuhannya, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), maka baginya apa yang diambalnya dahulu (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang kembali (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya.

(Surah al-Baqarah, 2:275)

Namun begitu, Islam juga menggalakkan untuk mengumpul harta selagi harta yang dikumpul tidak bercanggah dengan syarak dan tidak melanggar undang-undang. Semua perkara yang berada di dunia ini adalah hak Allah semata-mata. Contohnya, air sungai dibekalkan kepada penduduk untuk kegunaan seharian, hutan disimpan untuk orang lain mencari rezeki. Harta yang diberi oleh Allah kepada manusia dibenarkan untuk tujuan persendirian namun manusia wajib beringat bahawa setiap yang diterima adalah amanah daripada Allah. Oleh itu, manusia wajib menunaikan zakat seperti zakat harta, mengaut keuntungan mengikut hukum yang ditetapkan dan memberi pertolongan, sedekah kepada yang memerlukan.

Selain itu, terdapat kaitan yang rapat antara saudagar dan ulama sejak sekian lama. Pasar-pasar di bandar besar Islam menjadi tumpuan utama pedagang dan juga ulama. Hubungan ini menjurus kepada pembentukan pesatuan atau kumpulan untuk menyebarkan agama Islam. Panggilannya Futuwwah. Pada asalnya, Futuwwah ini bercirikan tentera tetapi menuju akhir empayar Abbasiyah, unsur-unsur seni diterapkan dan ianya kekal hingga ke hari ini.

Futuwwah bertunjangkan keberanian, kemuliaan diri dan sifat tidak mementingkan diri sendiri. Futuwwah menjadikan sifat-sifat ini yang sebenarnya mengambil contoh Saidina Ali. Namun, Futuwwah pada hari ini diketuai oleh seorang ustaz. Beliau bertanggungjawab untuk mengajar ilmu seni dan ilmu agama. Seni Islam berait rapat dengan sifat kumpulan ini yang mementingkan agama. Ciri-cirinya dapat dilihat melalui seni kaligrafi atau tulisan khat dan seni bina bangunan. Seni dalam Islam tidak dianggap mewah seperti sesetengah pihak barat. Seni dianggap sebahagian daripada kehidupan dan diamalkan harian dan semua benda mempunyai nilai seni yang tersendiri.

Melalui kumpulan ini, Islam dapat mengekspresikan seni dan kraftangan yang mana tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan seharian umat pada masa dulu hingga sekarang dan akhirnya dapat diterapkan sepenuhnya Islam dalam kehidupan umat. Oleh itu, tidak dapat disangkal lagi bahawa kumpulan ini merupakan antara institusi ekonomi yang terpenting dan berjaya mengaitkan seni dan amalan agama umat Islam.

### **Politik**

Politik merupakan institusi yang tidak asing lagi sejak berzaman. Islam juga menekankan tentang kepentingan politik dalam kehidupan. Islam tidak pernah mengasingkan agama dan politik tidak seperti pihak Gospel yang mengasingkan Tuhan dan Caesar (ketua empayar Rom). Contoh yang terbaik adalah Rasulullah s.a.w. Baginda merupakan ketua agama dan juga ketua kerajaan Islam yang pertama, iaitu kerajaan Madinah.

Sejak kedatangan Islam, politik dan agama saling berkait rapat dalam sejarah Negara Islam. Namun begitu, al-Quran dan Hadis tidak pernah menyebut tentang contoh model politik yang harus ditubuhkan dan diikuti. Tetapi, jelas Allah merupakan pemerintah setiap umat, menurunkan amanah kepada setiap manusia untuk mentadbir. Hukum Allah yang disebut dalam al-Quran menjadi hukum utama yang lengkap.

Ketua pula memainkan peranan yang amat penting. Setiap ketua harus mengadakan musyawarah (mesyuarat) dengan orang ramai tentang masalah politik. Kewajipan bermusyawarah tentang masalah keduniaan.



وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ

يُنْفِقُونَ ﴿٣٨﴾

Maksud: *Dan (bagi) orang-orang yang menerima (mematuhi) seruan Tuhannya dan mendirikan shalat, sedang urusan mereka (diputuskan) dengan musyawarat antara mereka; dan mereka menafkahkan sebagian dari rezki yang Kami berikan kepada mereka.*

(Surah *al-Syuura*, 42:38)

Sistem parti dalam Islam berkait rapat dengan Majlis Syura. Dalam sistem ini, ummah atau rakyat mempunyai kuasa untuk melantik ketua mereka. Kuasa tidak diperoleh oleh kekerasan tetapi kuasa diperoleh melalui saluran yang betul seperti pilihan raya. Muslim wajib percaya dengan Hukum Allah dan sumber utama untuk menentukan hukum adalah al-Quran dan Hadis. Manusia juga tidak layak untuk mentadbir kecuali dengan amanah yang diberi oleh Allah. Setiap tanggungjawab itu adalah amanah. Perlembagaan haruslah mempunyai undang-undang dan prinsip menjaga hak rakyat (Muhammad M. al-Hudaibi, 2000)

Hubungan Islam dan politik sebenarnya amat kompleks. Islam memilih khalifah dan sultan sebagai pemerintah Negara. Namun, sistem ini dicabar oleh kuasa barat melalui modernism dan penjajahan ke atas Negara Islam. Peristiwa yang paling banyak meninggalkan kesan kepada dunia Islam ialah Revolusi Perancis. Kesan kemerosotan politik Islam tradisional menular ke hampir semua Negara Islam. Namun, pertalian antara Islam dan politik masih tidak terputus. Jika Islam mengasingkan agama dan politik, kesan lebih besar akan berlaku. Tiada lagi politik Islam dan lahirah sistem politik sekular. Keadaan ini becanggah dengan Sunnah Rasulullah.

Muslim juga seharusnya menjaga hubungan antara Muslim dan bukan Muslim sebagai salah satu hubungan politik. Semua manusia tidak kira agama mempunyai kebaikan sendiri. Muslim tidak boleh menuduh sesuka hati seperti mengecam orang lain sebagai kuffur mahupun kafir. Manusia dinilai melalui setiap kelakuan, amalan dan

kata-kata seharian. Hati manusia adalah milik Allah, hanya Dia yang memberi hidayah kepada sesiapa yang Dia mahukan. Muslim tidak wajar untuk menentang kepercayaan dan amalan agama lain. *“Tidak ada paksa dalam ugama (Islam)”* (Surah al-Baqarah: 256) (Muhammad M. al-Hudaibi, 2000)

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap umat Islam untuk mempertahankan institusi politik Islam daripada dicabar dan bagi mengharungi dunia yang lebih mencabar ini.

## RUMUSAN

Perkara yang dibincangkan ini jelas menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang merangkumi semua aspek kehidupan. Walaupun Islam lengkap beribu tahun dahulu namun amalannya masih lagi segar sampai ke hari ini dan tidak berlaku apa-apa perubahan. Penganut agama Islam merupakan yang paling ramai tidak kira di bahagian Arab, Asia dan juga Eropah. Walaupun penganut Islam adalah yang paling ramai, namun umat Islam masih lagi belum bersatu padu untuk menghadapi suasana globalisasi dunia kini.

Islam tidak hanya mementingkan nilai-nilai agama sahaja. Setiap umat haruslah memahami bahawa aspek lain juga penting seperti ekonomi dan politik bagi menghadapi cabaran masa kini. Institusi-institusi ini penting bagi mengimbangi kehidupan umat. Islam ada menggariskan panduan untuk setiap perkara yang dilakukan dan wajib diikuti. Panduan-panduan ini wajib diikuti supaya umat tidak sesat dan lari daripada matlamat sebenar dihidupkan di dunia ini.

Islam juga mengajar umat untuk menjaga hubungan dengan Allah dan manusia. Menjaga hubungan dengan manusia merangkumi semua orang. Keluarga, rakan-rakan, jiran tetangga dan orang ramai. Menjaga hubungan ini juga bermaksud menjaga adab diri sendiri dengan orang lain. Dengan menjaga adab dan menunjukkan ciri-ciri yang baik, orang bukan Islam juga mungkin akan tertarik dengan keperibadian kita yang mulia. Lantas, dakwah boleh dijalankan.

Keadaan seperti ini yang menyebabkan Islam itu mudah dan indah. Keindahan Islam juga dapat dilihat dengan lebih nyata pada zaman

kerajaan Islam di mana lahirnya sarjana-sarjana Islam yang hebat. Semangat inilah yang perlu dipupuk semula pada zaman ini supaya sarjana-sarjana Islam dapat dilahirkan semula dan dapat menaikkan semula kehebatan Islam di zaman moden ini.

Akhir kata, setiap umat Islam haruslah ingat tentang amanah yang diberikan oleh Allah. Manusia adalah khalifah di bumi. Lantas, setiap tanggungjawab haruslah dipikul dengan penuh ikhlas dan jujur supaya umat Islam dipandang mulia oleh masyarakat lain.

#### RUJUKAN

- Al-Hudaibi M. M. 2000. *The Principles of Politics in Islam*. Cairo: Islamic Inc. Publishing & Distribution.
- Al-Quran
- David A. Leeming, Kathryn Madden, Stanton Marlan. 2010. *Encyclopedia of Psychology and Religion*. United States: Springer.
- Gordon D. Newby. 2002. *A Concise Encyclopedia of Islam*. United Kingdom Oneworld.
- Hammad A. 1997. *The Family in Islam: The Family of Fatima*. Publications of the Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization.
- Ismail Kamus. 2010. *Indahnya Hidup Bersyariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru
- Jacob E. Safra. 1768. *Britannica Encyclopedia of World Religions (7Summits)*. Chicago, London, New Delhi, Paris, Seoul, Sydney, Taipei, Tokyo: Encyclopædia Britannica, Inc.
- Josef W. Meri. 2006. *Medieval Islamic Civilization an Encyclopedia*. New York: Taylor & Francis Group.
- Muhammad Yusuf Islahi. 1967. *Etiquettes Of Life In Islam*. Pakistan: Shah Alam Market.
- Seyyed Hossein Nasr. 2007. *Islam-Religion, History, and Civilization*. United States: HarperCollins Publishers.